

**Najib Lancar Buku "Menjuarai Transformasi"  
Bernama  
1 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada Khamis melancarkan buku " Menjuarai Transformasi" terbitan Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM).

ITNM dalam satu kenyataan, berkata buku dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris itu mengandungi 11 bab yang turut menyentuh proses melestarikan kelangsungan kepimpinan Umno di persada politik kebangsaan.

Dalam empat bab awal buku itu, Perdana Menteri melontarkan wawasannya dan cara beliau mengangkat bangsa Malaysia khususnya Melayu dalam membentuk mekanisme siasah sebagai alat memupuk perpaduan.

"Bab-bab seterusnya menerangkan secara jelas kepentingan mekanisme lain dalam usaha kerajaan pimpinan Najib memastikan kestabilan perpaduan nasional dengan menyeimbangkan sosio-ekonomi dan politik," menurut kenyataan itu.

Buku setebal 158 halaman itu dijual dengan harga RM32 senaskhah di Semenanjung dan RM37 di Sabah dan Sarawak, serta boleh didapati di rangkaian kedai buku utama di seluruh negara.

Diskaun sebanyak 30 peratus diberikan kepada pembeli yang mengunjungi gerai ITNM di Aras 4, Pusat Dagangan Dunia Putra sepanjang berlangsungnya Perhimpunan Agung Umno sehingga Sabtu ini.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=631067>